KOBANAS
KOPERASI KAKITANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD

No. 25 Jalan Jelatek 2,
Jelatek Business Park
54200 Kuala Lumpur

No Rujukan: KKBSNB/IT/2026 (1) 24 Februari 2026

Semua Anggota-Anggota
Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad

Tuan / Puan

**SURAT PEKELILING BIL. 1 (2026)**
**PENGESAHAN PENYATA TAHUNAN BAKI SYER, YURAN, CARUMAN JIMAT CERMAT (CJC) DAN PEMBIAYAAN ANGGOTA PADA 31 DISEMBER 2025**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Juruaudit Luar KOBANAS sedang melakukan pengauditan ke atas akaun tahunan KOBANAS bagi tahun kewangan 2025.

3. Bersesuaian dengan ini, setiap anggota dikehendaki mengesahkan penyata tahunan baki syer, yuran, CJC dan pembiayaan anggota masing-masing melalui web Portal Anggota.

4. Bersama ini disertakan panduan bagi memberi pengesahan melalui web Portal Anggota (***Sila rujuk Lampiran dibawah***)

5. **Tarikh akhir bagi anggota untuk memberi pengesahan ke atas penyata baki adalah pada 15 Mac 2026**. Sekiranya tiada pengesahan yang diterima dalam tempoh ini, penyata baki berkenaan akan diambil kira sebagai betul.

6. Jika ada sebarang pertanyaan, sila hubungi pejabat KOBANAS **di talian 03-4252 1293 / 3293 / 4293 / 5293** atau melalui emel ke **kredit@kobanas.my.**

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
Koperasi Kakitangan Bank Simpanan Nasional Berhad

**JAMSARI @ RIDZUAN BIN MOHD NOOR**
Setiausaha

**LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGESAHKAN PENYATA TAHUNAN ANGGOTA**

1. Anggota dikehendaki memasuki *website* KOBANAS melalui link www.kobanas.my.

2. Anggota hendaklah klik di menu Portal Anggota dan pilih Portal Anggota.

3. Anggota hendaklah memasukkan ID pengguna dan kata laluan awal berikut:
   - ID pengguna: nombor kad pengenalan anggota
   - Kata laluan : nombor kad pengenalan anggota
   - Kata laluan yang dikemaskini hendaklah terdiri dari sekurang-kurangnya 8 aksara, huruf dan angka, huruf hendaklah ada sekurang-kurangnya satu huruf besar dan tiada *special character* dibenarkan.




Disamping itu anggota hendaklah menjawab 3 soalan berikut:
- Siapakah Nama Pasangan Anda?
- Siapakah Nama Ibu Anda?
- Apakah Nama Binatang Peliharaan Anda?




4. Berhubung dengan ID pengguna dan kata laluan di perkara 3 di atas dimaklumkan ini adalah untuk log masuk kali pertama sahaja dimana anggota dikehendaki menukar kata laluan dan mesti menjawab 3 soalan tersebut. Jawapan kepada 3 soalan ini akan disimpan dalam pengkalan data bagi memastikan tiada orang lain boleh menukar kata laluan. Anggota hendaklah memastikan jawapan kepada 3 soalan ini disimpan secara rahsia.



5. Sekiranya anggota lupa kata laluan sila tekan ‘Terlupa Kata Laluan’.




Seterusnya anggota perlu menjawab 4 soalan untuk menukarkan kata laluan. Antara soalan-soalan adalah seperti berikut:

- ID Log Masuk?
- Siapakah Nama Pasangan Anda?
- Siapakah Nama Ibu Anda?
- Apakah Nama Binatang Peliharaan Anda?




6. Sekiranya masih tidak boleh mengakses disebabkan tersalah atau terlupa kata laluan yang seterusnya di halang oleh sistem, anggota boleh menghubungi pejabat di talian 03-4252 1293 / 3293 / 5293.

7. Sekiranya anggota berjaya akses Portal Anggota, anggota hendaklah melakukan pengesahan penyata tahunan bagi baki simpanan dan pembiayaan pada 31 Disember 2020. Langkah-langkah seperti berikut:

a) Pilih Pengesahan Penyata




b) Skrin akan memaparkan baki simpanan Syer, Caruman, CJC dan Pembiayaan pada 31 Disember 2020 dan anggota hendaklah membuat semakan samada betul atau salah.



Home - Pengesahan Penyata dan Baki

| Tahun | Kod | Jenis Transaksi | No. Akaun | Baki Pokok | Baki Keuntungan | Jumlah | Tarikh |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2020 | 0101 | SAHAM | 0100104563 | 220.00 | 0.00 | 220.00 | 31/12/2020 |
| 2020 | 0102 | CARUMAN | 0200104563 | 4,369.00 | 0.00 | 4,369.00 | 31/12/2020 |
| 2020 | 4104 | PEMBIAYAAN 80% ATAS CARUMAN | 0309904563 | 3,400.00 | 663.00 | 4,063.00 | 31/12/2020 |
| 2020 | 4108 | PEMBIAYAAN KEBAJIKAN | 0309004563 | 32,258.10 | 5,283.48 | 37,541.58 | 31/12/2020 |
| 2020 | 4109 | PEMBIAYAAN KECEMASAN | 0309504563 | 5,195.16 | 447.98 | 5,643.14 | 31/12/2020 |
| 2020 | 4118 | PEMBIAYAAN KENDERAAN BERMOTOR | 0309804563 | 6,841.42 | 1,291.22 | 8,132.64 | 31/12/2020 |
| 2020 | 4121 | PEMBIAYAAN TELEFON BIMBIT/GAJET | 0309604563 | 2,927.73 | 540.39 | 3,468.12 | 31/12/2020 |
| 2020 | 4124 | PEMBIAYAAN KHAS COVID-19 | 0309704563 | 4,772.00 | 871.06 | 5,643.06 | 31/12/2020 |
| 2020 | 5101 | CJC | 0409004563 | 2,500.00 | 0.00 | 2,500.00 | 31/12/2020 |

☐ **Saya dengan ini memperakukan bahawa baki simpanan syer, yuran, CJC dan pembiayaan seperti mana penyata pada 31 Disember 2020 adalah benar.**

SAHKAN PENYATA

* Sila klik **SAHKAN PENYATA**

Nota : i. Sekiranya tiada pengesahan dalam tempoh 14 hari dari 10 MAC 2021 – 24 MAC 2021 maka penyata ini akan diambil kira sebagai benar.
ii. Sekiranya anggota tidak bersetuju dengan penyata ini, anggota hendaklah menghubungi pejabat KOBANAS melalui email khidmatpelanggan@kobanas.my atau kredit@kobanas.my

**Maklumat ini hanyalah ilustrasi sahaja*

c) Sekiranya betul sila tick box dan klik pada kotak Sahkan Penyata.




d) Sekiranya anggota tidak bersetuju sila hantar email kepada khidmatpelanggan@kobanas.my atau kredit@kobanas.my